

Jelajah tinjau RMK-9

Sistem ini 'dihidupkan' oleh Perdana Menteri bagi mengesan, sekali gus menangani isu-isu berkaitan pelaksanaan projek di bawah RMK-9 yang mempunyai impak tinggi bagi rakyat, terutama projek melibatkan pelbagai agensi dan kementerian yang merentasi sempadan negeri

Oleh **ZULKIFLI JALIL**
(WARTAWAN UTUSAN)

BULAN ini, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan meneruskan kembali siri turun padang beliau meninjau dan memantau projek-projek pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), dengan bermula di Pahang hari ini.

Ia menyusul kemudiannya lawatan kerja beliau ke Johor pada 14 dan 15 Ogos, Kedah (17 dan 18 Ogos) manakala Kelantan akan disinggahi-pada 20 dan 21 Ogos.

Lawatan kerja di keempat-empat negeri ini adalah jadual kerja terpadat dilakukan Abdullah demi untuk memastikan keberkesanan, ketelusan dan kejayaan rancangan lima tahun (2006-2010) itu yang menelan peruntukan kira-kira RM200 bilion.

Menurut jurucakap Jabatan Perdana Menteri, para pegawai JPM ketika ini begitu sibuk menyusun atur carajadual program Abdullah untuk diselaraskan dengan Wisma Negeri dan pejabat menteri besar masing-masing.

"Ia merupakan jadual kerja paling sibuk Pak Lah bulan ini. Sepatutnya lawatan ini dilakukan bulan lepas bagi tetapi oleh kerana beliau perlu menerima rawatan di Australia, ia terpaksa ditangguhkan.

"Lagipun, kesemua siri lawatan ke negeri-negeri sempena RMK-9 pusingan pertama ini perlu diselesaikan Bulan ini juga kerana bulan depan (September) Perdana Menteri sibuk pula dengan jadual ketat di luar negara, antaranya menghadiri persidangan Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) dan ke Cuba bagi menyerahkan pucuk kepimpinan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) kepada negara itu kerana tempoh Malaysia sebagai Pengerusi N A M sudah tamat," kata pegawai JPM kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Menurut pegawai itu, Abdullah dalam sehari dua ini di pejabat sibuk menyedid dan menyemak fail-fail pembangunan di negeri-negeri. Kebiasaannya, Perdana Menteri akan mengimbangi kunjungan ke sesuatu tempat dalam lawatannya dengan meninjau projek-projek berkai-

tan pembangunan RMK-9 dan projek tertentu yang mana beliau mempunyai minat peribadi - projek yang beliau maklumkan kepada kerajaan negeri berkenaan akan ditinjaunya sendiri.

Ada antara projek berkenaan merupakan projek yang sememangnya telah dijanjikan oleh Barisan Nasional (BN) dalam manifesto pilihan raya 2004.

"Contohnya, apabila ke Johor nanti, beliau akan menyempurnakan satu majlis penyerahan kunci sebuah taman perumahan yang dijanjikan BN pada pilihan raya lepas.

"Projek-projek sebegini yang dekat dengan kepentingan dan hati rakyat disenaraikan Pak Lah sebagai terpenting dalam buku diari beliau," katanya.

Begitu juga di Pahang yang mana Perdana Menteri akan turut meninjau projek penternakan kambing manakala di Kedah, beliau akan memantau projek industri asas tani yang menjadi kegemaran beliau. Di Johor pula, pastinya projek yang menjadi penekanan Abdullah ialah pembangunan wilayah selat Johor. Selain itu, keutamaan Abdullah, dalam kunjungan ke Johor nanti ialah merasmikan kilang bersepadu biodiesel yang pertama seumpamanya di dunia.


Memantau

Sebab itu, lawatan kerja pusingan Pertama Perdana Menteri ke baki empat negeri berkenaan bagi memantau projek-projek RMK-9 dan minat peribadi penting dengan tidak sekadar 'suatu kunjungan turun padang biasa' tetapi lebih penting lagi untuk memantau secara nyata status pelaksanaan pembangunan rancangan lima tahun itu.

April lalu, Abdullah mengumumkan pembentukan Sistem Pengurusan Projek dan Program (PPP) bagi memantau status pelaksanaan projek pembangunan di seluruh negara.

Ia bertujuan bagi mengesan dan menangani sebarang masalah pelaksanaan yang timbul dengan lebih cepat.

Dalam aspek ini, setiap komponen dalam rantaian pelaksanaan bermula dari peringkat perancangan sehingga penyerahan projek akan dihubungkan.



JELAJAH RMK-9 bermula di Kuantan.

Di sini, Direktorat Pelaksanaan, Negara (DPN) akan bekerjasama secara berkesan dengan agensi, kementerian dan kerajaan negeri.

Sistem ini 'dihidupkan' oleh Perdana Menteri bagi mengesan, sekali gus menangani isu-isu berkaitan pelaksanaan projek di bawah RMK-9 yang mempunyai impak tinggi bagi rakyat, terutama projek melibatkan pelbagai agensi dan kementerian yang merentasi sempadan negeri.

Sememangnya, lawatan kerja Abdullah ke negeri-negeri merupakan usaha untuk menggiatkan lagi pertumbuhan ekonomi supaya dapat mengekalkan taraf dan kualiti hidup rakyat Malaysia dan bandar sehingga ke luar bandar dan pedalaman.

Visi ini bertepatan dengan amanat yang sering diluahkan Abdullah pada majlis-majlis pertemuan dengan rakyat di bandar-bandar dan kampung sebegini.

"Kita tidak boleh lagi dilihat sebagai sebuah negara yang memiliki 'infrastruktur kelas pertama' tetapi 'mentaliti kelas ketiga,'" kata Abdullah Mac lalu.

Apa yang pasti, siri lawatan Perdana Menteri keempat negeri terakhir sempena RMK-9 nanti amat penting kepada beliau.

Projek-projek pembangunan di negeri-negeri tersebut perlu dilaksanakan dengan baik supaya rakyat mendapat faedah dan limpahan peluang ekonomi yang diharapkan.

Memetik kenyataan beliau dalam wawancara khas bersama Perdana Menteri Isnin lalu, sememangnya jelas Abdullah memberi perhatian serius beliau dalam siri lawatan kerja ini.

"Apabila dah ditetapkan corak pelaksanaan, itu menjadi satu program yang mesti diperhalusi serta dipastikan berjalan dengan baik.

"Mau tidak mau, saya (kena) turun (padang). Maka kita (nanti) dapat lihat pada peringkat yang dah mikro bagaimana projek-projek itu dijalankan, dan dipastikan turun ke bawah. Sebab itu, dalam lawatan saya ke negeri-negeri, saya berjumpa (menteri-menteri besar dan pegawai kerajaan), minta diteruskan (sesuatu projek yang bermanfaat untuk rakyat)."